

**KURSUS BAHASA ARAB**  
**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM**  
**UNIVERSITI MALAYA**

.....

**LATARBELAKANG**

Kedudukan bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran selain penggunaannya yang meluas di dunia Arab dan Islam meletakkannya sebagai bahasa terpenting di dunia masa kini. Kemahiran menguasai bahasa Arab membolehkan seseorang itu memahami kandungan al-Quran dan hadith selain berupaya membaca buku-buku mengenai ilmu-ilmu Islam yang banyak ditulis dalam bahasa Arab. Menyedari kepentingannya Unit Pembangunan Sosial Akademi Pengajian Islam bercadang untuk menawarkan Kursus Bahasa Arab bagi mendedahkan kepada masyarakat awam mengenai kaedah-kaedah dalam bahasa Arab, kemahiran membaca dan menulis serta mendengar dan berkomunikasi. Kursus ini juga diharapkan dapat memberikan pendedahan awal kepada para pelajar sebagai satu persediaan sebelum menyambung pengajian mereka di peringkat sarjana muda pengajian Islam.

**OBJEKTIF**

Antara objektif utama kursus ini ialah:

- a) Mendedahkan kepada para pelajar kaedah-kaedah penting dalam bahasa Arab seperti kaedah *nahw* dan *sarf*.
- b) Meningkatkan kemahiran pelajar dalam membaca dan menulis dalam bahasa Arab
- c) Meningkatkan kemahiran pelajar dalam mendengar dan berkomunikasi dalam bahasa Arab

**TEMPAT DAN PERJALANAN KURSUS**

Kelas diadakan di Bilik Seminar dan Dewan Kuliah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Kuala Lumpur. Kursus ini dijalankan secara kuliah yang disampaikan oleh pensyarah.

**TEMPOH KURSUS DAN WAKTU PEMBELAJARAN**

Kursus ini dijalankan pada hujung minggu iaitu pada setiap hari **Sabtu** dari **9.00 pagi** hingga **1.30 petang**. Kursus ini mengandungi 3 modul yang dijalankan selama **satu semester ( 6 bulan )**. Kursus ini akan tamat dalam **dua semester**.

**SYARAT-SYARAT KEMASUKAN**

- Warganegara Malaysia.
- Minimum Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf dengannya.

**STRUKTUR PROGRAM**

- **Sijil Penyertaan** - Peserta perlu menghadiri kelas sebanyak 80% untuk melayakkan diri untuk mendapatkan sijil penyertaan.
- **Sijil Kelulusan** - Peserta perlu lulus (markah lulus 40) dalam peperiksaan bagi kesemua subjek yang ditawarkan. 80% kehadiran perlu untuk melayakkan diri untuk menduduki peperiksaan.

**YURAN**

Yuran kursus bagi setiap semester ialah **RM 800.00** sahaja (144 Jam). Yuran yang dibayar tidak akan dikembalikan jika peserta gagal mengikuti kursus atau apa jua sebab kecuali kursus dibatalkan oleh pihak penganjur.

**SUBJEK YANG DITAWARKAN**

**MODUL I (QAWAID)**

Subjek ini adalah asas kepada kemahiran bahasa arab. Ia adalah pembelajaran yang berkaitan dengan tatabahasa (nahw) contohnya kata nama khas, kata nama am, jenis-jenis ayat dan sebagainya.

**MODUL II (MEMBACA & MENULIS)**

Subjek ini akan memberi pengetahuan kepada pelajar untuk membaca dan menulis dalam bahasa arab. Pembelajaran akan lebih mudah dengan pendekatan yang berkaitan dengan kehidupan seharian.

**MODUL III (MENDENGAR & BERKOMUNIKASI)**

Subjek ini bersesuaian dengan objektif sijil ini diadakan. Subjek ini memberi peluang kepada pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa arab. Pembelajaran ini menggunakan pendekatan perbualan ringkas dalam kelas dengan menggunakan topik yang berkaitan dengan kehidupan seharian.



**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**

**BORANG PERMOHONAN  
KURSUS BAHASA ARAB  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA**

**NAMA** : \_\_\_\_\_

**NO K/P** : \_\_\_\_\_

**ALAMAT** : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

**NO TELEFON** : \_\_\_\_\_

**EMAIL** : \_\_\_\_\_

**BORANG DIALAMATKAN KEPADA :**

**URUSETIA  
KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN  
KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN &  
AL-SUNNAH (KPQS)  
ARAS 4 BLOK D  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
50603 KUALA LUMPUR**

**WEBSITE: [www.spaq-apium.com](http://www.spaq-apium.com)  
FB : Kpqs Apium  
TELEFON : 03-79676167  
WHATAPPS : 014-237-6025  
FAKS : 03-79560705**



# **KBA**

**KURSUS BAHASA ARAB  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**



**Di bawah Anjuran :  
KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN &  
AL-SUNNAH (KPQS)  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR**